

20 AUG 1997

Mahathir-Defisit

DEFISIT AKAUN SEMASA LEBIH BESAR SATU KEMUNGKINAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Defisit akaun semasa Malaysia bagi tahun ini mungkin melebihi RM14.8 bilion yang diramalkan kerajaan jika ringgit terus menerus lemah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

" Ia satu kemungkinan, kerana mereka (spekulator) terus memaksa ringgit lebih rendah dan kos import lebih tinggi," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai ramalan terbaru oleh beberapa ahli ekonomi Malaysia yang desifit akaun semasa mungkin mencecah paras antara RM25 bilion dan RM27 bilion.

Jabatan Perangkaan melaporkan hari ini akaun semasa mencatatkan defisit RM1.8 bilion bagi suku pertama tahun ini, kedudukan yang lebih baik berbanding defisit RM4.5 bilion bagi suku keempat tahun lepas dan RM3.2 bilion bagi tempoh yang sama tahun lepas.

" Tetapi kita perlu meneliti apa yang mungkin berlaku pada akhir tahun ini," katanya selepas melancarkan buku biografi mengenai bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Semasa seorang wartawan asing bertanya mengapa beliau terus menuduh spekulator asing menyebabkan kejatuhan ringgit, Dr Mahathir berkata: "Kerana kami tahu. Adakah saudara ingin menafikan yang Soros tidak terbabit.

"Kami tahu, kami tahu dengan tepat siapa yang melakukannya," kata Perdana Menteri dengan mengulangi bidasan terhadap spekulator seperti pembiaya kewangan Amerika Syarikat George Soros kerana serangan spekulatif terhadap mata wang di rantau ini.

Katanya para spekulator memiliki jumlah wang yang banyak dalam tangan untuk melemahkan ekonomi banyak negara membangun, termasuk Malaysia.

" Kini Korea Selatan pula menjadi mangsa," katanya.

" Mereka adalah penyangak yang hanya ingin membuat keuntungan bagi diri sendiri tanpa memikirkan orang-orang miskin. Dan tentunya, negara-negara maju bersorakan menyokong dia (Soros)," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata walaupun belum ada keputusan dibuat untuk mengurangkan import berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pertambahan defisit akaun semasa, namun perkara seumpama ini tidak dapat dielakkan.

" Kerajaan akan mengurangkan semua import seperti jentera. Tetapi mereka terus mengimport kerana mereka sukakan rekabentuknya," katanya berseloroh.

Mengenai projek-projek besar, katanya ia tidak semestinya ditangguhkan.

-- BERNAMA

SJA AU AHH